BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/10/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 24 Mac 2010

SIARAN AKHBAR

LAPORAN KESTABILAN KEWANGAN DAN SISTEM PEMBAYARAN 2009

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009 (Laporan) merupakan satu penerbitan tahunan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) yang memaparkan penilaian Bank terhadap risiko dan cabaran yang memberikan kesan terhadap fungsi dan kestabilan sistem kewangan serta keupayaan sistem kewangan menghadapi risiko dan cabaran tersebut. Laporan ini juga memberi tumpuan pada tindak balas dasar dan langkah-langkah pembangunan yang diambil oleh Bank bagi memperkukuh lagi infrastruktur kewangan dan sistem pembayaran serta daya tahan sektor kewangan.

Penilaian Risiko dan Kestabilan Kewangan

Kestabilan sistem kewangan Malaysia telah kekal terpelihara sepanjang tahun walaupun menghadapi persekitaran operasi yang mencabar. Kestabilan dan kekukuhan sistem kewangan dan institusi kewangan adalah penting dalam memastikan proses pengantaraan kewangan, sistem pembayaran dan penyelesaian untuk berfungsi dengan cekap. Tindak balas dasar yang diambil pada peringkat awal krisis kewangan global telah menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Kedudukan modal dan kesolvenan sistem kewangan terus kukuh pada tahun 2009. Nisbah modal wajaran risiko institusi perbankan meningkat kepada 14.8% pada akhir bulan Januari 2010 (2008: 12.6%), ternyata melebihi keperluan minimum 8%. Jumlah modal lebihan meningkat kepada RM60.3 bilion pada akhir bulan Januari 2010 (2008: RM38.7 bilion), menyediakan penampan kewangan yang lebih daripada mencukupi terhadap sebarang kemungkinan kerugian di luar jangkaan. Dalam keadaan yang sama, sektor insurans dan takaful merekodkan nisbah kecukupan modah yang lebih tinggi sebanyak 230.0% (2008: 187.6%) dan kedudukan modal penampan yang memuaskan sebanyak RM18.6 bilion pada akhir tahun 2009 (2008: RM12.3 bilion).

Sektor perbankan merekodkan keuntungan sebelum cukai yang tidak diaudit sebanyak RM17 bilion bagi tahun 2009. Jumlah ini adalah lebih rendah daripada keuntungan yang direkodkan pada tahun sebelumnya disebabkan oleh peruntukan bagi nilai pelaburan yang terjejas, tetapi tidak berulang, oleh sebuah institusi kewangan bagi operasinya di luar negeri. Jika peruntukan tidak berulang ini diasingkan, keuntungan sebelum cukai yang tidak diaudit bagi sistem perbankan merekodkan pertumbuhan sebanyak 3.2%. Meskipun kadar perolehan adalah lebih tinggi dengan peningkatan yang menyeluruh, hasil daripada aktiviti pinjaman berkurang disebabkan oleh permintaan terhadap pembiayaan yang lembap dan perbelanjaan pendanaan yang lebih tinggi lantaran jumlah deposit yang lebih besar. Sementara itu, dedahan sektor perbankan kepada risiko kadar faedah dan risiko

pertukaran mata wang asing masih terkawal, masing-masing sebanyak 5.0% dan 4.6% daripada jumlah modal asas.

Jumlah premium/caruman bersih bagi penanggung insurans dan pengendali takaful berkembang sebanyak 8.2%, didorong oleh segmen produk insurans hayat biasa bagi industri insurans hayat dan takaful keluarga, dan peningkatan menyeluruh bagi semua kelas perniagaan sektor am. Keadaan pasaran kewangan yang pulih telah menyumbang ke arah pendapatan lebih kukuh daripada portfolio pelaburan dan keuntungan modal tidak direalisasi bagi keseluruhan industri insurans. Bagi insurans perniagaan am, peningkatan prestasi yang dicapai juga disebabkan oleh nisbah tuntutan yang lebih rendah sebanyak 60.8% (2008: 62%). Secara keseluruhannya, keadaan operasi yang bertambah baik telah menyumbang kepada keberuntungan yang lebih tinggi sebanyak RM14.5 bilion bagi industri insurans.

Sistem perbankan terus menyokong keperluan kewangan ekonomi dalam negeri. Aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan terus menggalakkan sepanjang tahun. Pembiayaan terkumpul yang diberikan oleh sistem perbankan berkembang pada kadar tahunan sebanyak 7.8% kepada RM783.4 bilion dengan kadar kelulusan yang stabil kira-kira 70%. Porfolio pinjaman institusi perbankan terus tertumpu pada segmen berasaskan runcit dengan pembiayaan kepada isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhada (PKS) masing-masing mencakupi 55.1% dan 15.2% daripada pembiayaan terkumpul. Pinjaman kepada sektor isi rumah berkembang sebanyak 9.4% kepada RM516.6 bilion, dengan sebahagian besar pinjaman adalah untuk tujuan pembelian harta kediaman. Pembiayaan yang diberikan kepada perniagaan besar berkembang sebanyak 7.8% pada akhir tahun 2009. Pada tahun 2009, lebih 80% daripada permohonan pembiayaan oleh PKS ialah perniagaan baharu yang diluluskan. Kadar kelulusan pinjaman yang stabil dalam keadaan permintaan yang berterusan bagi pembiayaan telah merangsang perkembangan yang positif dalam sektor PKS terutamanya pada penghujung tahun 2009. Pada suku tahun yang terakhir 2009, permintaan bagi pembiayaan untuk PKS melonjak sebanyak 37.1% (S3 2009: pada kadar tahunan -1.7%) manakala jumlah kelulusan pinjaman meningkat sebanyak 8.8% (S3 2009: pada kadar tahunan -8.1%).

Meskipun berada dalam persekitaran ekonomi yang sukar, kualiti pinjaman bertambah baik disebabkan oleh pemulihan pinjaman dan sedikit sebanyak disebabkan oleh hapus kira hutang lapuk. Ini diperkukuh dengan usaha-usaha yang diambil oleh bank untuk berbincang dan berinteraksi dengan peminjam pada peringkat awal dan menyediakan cadangan pengurusan hutang serta khidmat nasihat seperti penyusunan dan penjadualan semula hutang. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) terus bertambah baik kepada 1.7% pada akhir bulan Januari 2010, kadar yang terendah sejak krisis kewangan Asia. Dari segi prestasi mengikut sektor, nisbah NPL kasar sistem perbankan bagi perniagaan besar, PKS dan isi rumah masing-masing bertambah baik kepada 4.2%, 5.6% dan 3.0%.

Pasaran kewangan terus teratur dan memperoleh semula peningkatan momentum pada tahun 2009 berikutan tanda-tanda bahawa kelembapan ekonomi dalam negeri sudah berlalu. Ini berlaku serentak dengan peningkatan dalam prestasi perolehan perniagaan dan prospek pekerjaan yang makin cerah, yang meningkatkan keupayaan membayar balik hutang oleh para peminjam bank. Spread kredit yang mengecil telah mendorong pemulihan pasaran bon, seperti yang diperlihatkan oleh pemulihan dalam terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), termasuk PDS yang diterbitkan oleh penerbit asing. Mudah tunai ringgit yang lebih daripada mencukupi dalam sistem turut menyokong kelancaran fungsi pasaran wang ringgit dan pasaran antara bank pada tahun 2009.

Kedua-dua sektor perniagaan dan isi rumah mempamerkan keupayaan dan ketangkasan yang tinggi dalam menghadapi cabaran yang muncul pada tahun 2009. Ini dicerminkan oleh peningkatan dalam kualiti pinjaman mereka dengan sistem perbankan. NPL PKS dengan sistem perbankan meningkat sedikit kepada 7.6% daripada pinjaman kasar pada bulan September 2009 (akhir 2008: 7.1%) disebabkan aliran tunai yang lemah dan aktiviti perniagaan yang lembap. Dengan pemulihan ekonomi pada separuh kedua tahun 2009, nisbah NPL kasar bertambah baik kepada 6.6% pada akhir tahun 2009.

Sistem pembayaran dan penyelesaian kekal berdaya tahan, sekali gus menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Meskipun menghadapi kemelut pasaran kewangan global dan keadaan pasaran yang tidak menentu, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) and Sistem Penjelasan Imej Cek Kebagsaan secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) terus beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan yang besar, dan berjaya mencapai ketersediaan sistem melebihi 99.9% sepanjang tahun 2009. Dalam keadaan yang sama, sistem pembayaran runcit yang berskala besar seperti Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS) dan Touch ‘n Go Sdn. Bhd. kekal kukuh dan mantap, tanpa sebarang gangguan yang ketara dilaporkan sepanjang tahun 2009. Kerjasama yang berterusan yang dijalin dengan peserta industri dan pihak berkuasa yang berkenaan telah berjaya membendung penipuan pada jumlah yang sangat kecil dalam sistem pembayaran, kad pembayaran dan perbankan internet.

Pembangunan Sektor Kewangan dan Sistem Pembayaran

Tumpuan dasar pembangunan sektor kewangan pada tahun 2009 adalah untuk memelihara kekukuhan dan integriti sektor kewangan, memastikan pengantaraan kewangan yang berterusan dan, pada masa yang sama, maju ke hadapan dengan inisiatif-inisiatif tempoh jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan dan potensi pertumbuhan sektor kewangan. Langkah-langkah liberalisasi yang baru dilancarkan pada awal tahun 2009 adalah bertujuan untuk meningkatkan peranan sektor kewangan dalam ekonomi serta mempertingkatkan kesalinghubungan sistem kewangan Malaysia dengan ekonomi lain.

Bank terus memberikan keutamaan bagi memastikan semua segmen peminjam, terutamanya PKS, mendapat akses yang berterusan untuk memperoleh pembiayaan. Sepanjang tahun 2009, beberapa langkah telah diperkenalkan bagi mencapai matlamat ini, termasuk pelancaran Skim Bantuan Jaminan PKS (SME Assistance Guarantee Scheme, SBJ-PKS), Skim Jaminan Modal Kerja, Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri dan penggabungan ERF Sdn. Bhd. ke dalam Credit Guarantee Corporation (CGC). SBJ-PKS dan Skim Jaminan Modal Kerja kedua-duanya telah digunakan sepenuhnya, manakala lebih daripada 400,000 PKS telah mendapat manfaat daripada jaminan kredit oleh CGC.

Bagi memudahkan syarikat-syarikat perniagaan mendapatkan pembiayaan daripada pasaran modal, Danajamin Nasional Berhad telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan penambahbaikan kredit kepada penerbit-penerbit hutang sekuriti yang bergred pelaburan dan mempunyai perniagaan yang berdaya maju untuk menerbitkan bon pada kos yang berpatutan. Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) memulakan operasinya semula dengan mandat yang lebih luas untuk memudahkan penyusunan semula hutang, termasuk bon, bagi perniagaan. Sementara itu, kriteria kelayakan untuk kes-kes yang akan dikendalikan di bawah Skim Penyelesaian Hutang Kecil disemak pada tahun 2009 untuk membolehkan lebih banyak PKS yang berdaya maju memohon bantuan untuk menstruktur dan menjadual semula pinjaman di bawah skim ini.

Pelan liberalisasi yang diumumkan pada tahun 2009 merangkumi tiga strategi yang meluas iaitu pengeluaran lesen baharu, peningkatan had pegangan ekuiti asing dan penawaran fleksibiliti operasi yang lebih besar kepada institusi-institusi kewangan milik asing yang sedia ada. Pada tahun tersebut, satu lesen baharu bank perdagangan telah dikeluarkan kepada bank perdagangan terbesar di Republik Rakyat China untuk menggalakkan perkongsian strategik serta meningkatkan pemuafakatan dan kerjasama dengan ekonomi serantau.

Inisiatif untuk memperdalam pasaran kewangan difokuskan pada penambahbaikan infrastruktur dan juga peluasan kelas aset, dan usaha-usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Pelancaran Bursa Suq Al-Sila (dahulunya dikenali sebagai Commodity *Murabahah* House), sebagai platform dagangan yang menepati keperluan Syariah yang pertama di dunia untuk urus niaga komoditi *murabah* merupakan satu lagi pencapaian penting. Platform ini dijangka membantu meningkatkan tahap mudah tunai dan juga urus niaga mudah tunai merentas sempadan. Satu perkembangan amat penting juga telah dicapai dalam pasaran modal Islam dengan terbitan sukuk mata wang asing oleh sebuah syarikat utama yang mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada pasaran. Ini disusuli oleh terbitan kedua yang juga disenaraikan di Bursa Malaysia. Perkembangan ini telah mengangkat status Bursa Malaysia dari segi jumlah nilai sukuk yang diterbitkan pada tahun 2009.

Pada tahun 2010, Malaysia telah dikategorikan dalam “Senarai Putih” yang dikeluarkan oleh Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organisation for Economic Cooperation and Development, OECD) sebagai pengiktirafan terhadap komitmen negara yang tinggi untuk mematuhi piawaian antarabangsa mengenai ketelusan dan pertukaran maklumat bagi menbanteras kegiatan haram. Kejayaan ini merupakan petanda baik bagi mengekalkan secara keseluruhannya daya saing dan daya tarikan Malaysia.

Dalam bidang pengawalseliaan, perkembangan dalam reformasi pengawalseliaan pada peringkat global berikutan krisis kewangan telah membantu mempertajamkan tumpuan Bank untuk menyediakan rangka kerja kehematan yang peka terhadap perubahan persekitaran. Walaupun Bank secara amnya menyokong usaha-usaha antarabangsa dalam reformasi pengawalseliaan, Bank akan menilai dengan teliti implikasi-implikasi yang mungkin timbul daripada pelaksanaan cadangan dari pelbagai dimensi, terutamanya bagi memelihara peranan kritikal institusi kewangan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Penekanan terhadap inisiatif-inisiatif pengawalseliaan terus tertumpu pada usaha mengekalkan keseimbangan yang sewajarnya antara preskripsi pengawalseliaan dengan penilaian penyeliaan

terhadap kualiti pengurusan risiko institusi kewangan. Selain itu, lebih perhatian khusus juga diberikan kepada rangka kerja pengawaseliaan yang sedia ada dalam sistem kewangan domestik dan sejauh mana rangka kerja tersebut memberikan hasil yang diharapkan. Sehubungan dengan itu, dasar pengawalseliaan pada tahun 2009 adalah untuk memperkukuh keupayaan pengawasan lembaga pengarah institusi kewangan dan penambahbaikan dalam pengurusan risiko dan rangka kerja modal.

Pelaksanaan rangka kerja Basel II terus mencapai kemajuan pada tahun 2009 dengan terdapatnya panduan mengenai penerapan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) untuk risiko kredit. Proses penilaian penyeliaan (Tunggak 2) dan komponen-komponen disiplin pasaran (Tunggak 3) rangka kerja kecukupan modal juga telah mencapai kemajuan pada tahun tersebut. Sementara itu, industri insurans telah beralih dengan lancar kepada Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) pada 1 Januari 2009. Kemajuan yang ketara juga telah dicapai dalam kerja-kerja penyediaan Rangka Kerja RBC untuk pengendali takaful, apabila perbincangan dengan industri dan penilaian impak akan dimulakan pada tahun 2010. Cadangan penambahbaikan kepada Rangka Kerja Mudah Tunai juga telah sedia untuk dilaksanakan pada tahun 2010. Penilaian lanjut sedang dipertimbangkan untuk mengambil kira cadangan terbaru oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) mengenai piawaian minumum kuantitatif global untuk pengurusan risiko mudah tunai. Dari segi piawaian perakaunan, Malaysia telah menerima pakai pematuhan Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standard, FRS) 139 untuk semua entiti yang melapor, termasuk institusi-institusi kewangan pada 1 Januari 2010. Walau bagaimanapun, memandangkan perkembangan antarabangsa mengenai piawaian peruntukan masih berubah-ubah, Bank telah mengeluarkan garis panduan Pengklasifikasian dan Peruntukan Kerugian bagi Pinjaman/Pembiayaan yang menyediakan pengaturan dalam tempoh peralihan bagi menentukan penilaian jejas nilai secara kolektif. Pengaturan bagi tempoh peralihan bertujuan untuk mengurangkan bebanan kos pelaksanaan

berkaitan dengan perubahan seterusnya yang akan diperlukan dalam penjajaran kepada tahap peruntukan yang lebih mirip kepada jangkaan jejas nilai.

Dalam bidang kewangan Islam, usaha terus digembleng ke arah pengukuhan tadbir urus Syariah, penggalakkan amalan peniagaan yang sihat dan kecekapan operasi institusi kewangan Islam. Usaha ini telah membawa kepada penerbitan Panduan Pengurusan Pelaburan, kertas konsep mengenai Rangka Kerja Garis panduan Pengendalian Takaful dan kajian semula Rangka Kerja Kadar Pulangan (Rate of Return Framework, ROR). Selain itu, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah akan dikeluarkan pada tahun 2010 selaras dengan usaha untuk meningkatkan tadbir urus Syariah dalam institusi kewangan Islam.

Bank mengambil langkah untuk membangunkan satu kodifikasi kontrak Syariah yang komprehensif, yang dikenali sebagai Parameter Syariah untuk menggalakkan pemahaman yang jelas dan pentafsiran yang konsisten berhubung dengan kontrak Syariah. Parameter Syariah yang pertama untuk kontrak *murabahah* dikeluarkan pada tahun 2009, manakala Parameter Syariah untuk kontrak *ijarah, mudharabah, musharakah, istisna'* dan *wadiah* dijangka siap pada akhir tahun 2010. Bank juga telah menjalin kerjasama strategik dua hala dan pelbagai hala untuk menggalakkan perkongsian global dan perniagaan merentas sempadan dalam kewangan Islam. Dua Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) telah ditandatangani dengan United Kingdom Trade and Investment (UKTI) dan dengan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang kewangan Islam, khususnya dalam pembangunan tenaga mahir, pengukuhan hubungan perniagaan dan sokongan infrastruktur. Jenama baharu "*Shaping Islamic Finance Together*" untuk jangka panjang diperkenalkan pada tahun 2009 untuk memartabatkan Malaysia sebagai pusat antarabangsa bagi aktiviti kewangan Islam, yang juga disokong oleh pusat pembangunan cendekiawan dalam kewangan Islam.

Bank terus memfokuskan sumber-sumbernya dalam menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko yang kukuh melalui inisiatif Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE). Sejak pelancaran program FIDE pada tahun 2008, 131 pengarah institusi kewangan telah melalui program teras. Program-program khusus dan tambahan sedang dibangunkan untuk memperkukuh sokongan kepada lembaga pengarah dalam melaksanakan pengawasan yang berkesan dan berterusan terhadap institusi kewangan.

Pengawasan Bank terhadap amalan pasaran dipertingkatkan pada tahun 2009 sebagai tindak balas terhadap keadaan pasaran yang kompetitif. Pemeriksaan yang khusus difokuskan terhadap amalan mengenakan fi dan caj, promosi kad kredit, penjualan produk-produk berkaitan pelaburan dan berstruktur telah dilaksanakan. Ini dilengkapi rangka kerja penzahiran yang menyeluruh untuk produk-produk kewangan runcit yang memberikan tumpuan pada ciri-ciri utama produk, risiko dan manfaat, serta terma dan syarat utama di dalam kontrak. Secara keseluruhannya, penyeliaan amalan pasaran yang dipertingkatkan telah membuahkan hasil dalam penambahbaikan prosedur operasi bagi institusi perbankan dan penanggung insurans seperti prosedur mengenal pasti dan menyelesaikan kes-kes penggantian polisi.

Dalam bidang sistem pembayaran, pemindahan sistem pembayaran iaitu Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds & Securities System, RENTAS) Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) yang dahulunya dikendalikan oleh Bank kepada Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), sebuah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank, disempurnakan tanpa sebarang gangguan. Kemantapan dan kecukupan pelan kesinambungan perniagaan bagi anggota RENTAS dan eSPICK juga diuji secara berterusan pada tahun itu untuk memastikan gangguan yang minimum terhadap kelancaran fungsi sistem-sistem ini.

Peningkatan perpindahan kepada pembayaran elektronik (e-pembayaran) tetap menjadi keutamaan kepada Bank. Kerjasama dan penglibatan yang berterusan antara Bank dengan Kerajaan dan sektor swasta telah menghasilkan kesan yang memberansangkan. Kini, kira-kira 96% pembayaran pihak Kerajaan dilaksanakan menerusi pindahan dana elektronik, sementara penggunaan kemudahan pemindahan kredit untuk bayaran kepada Kerajaan melonjak kepada RM41.3 juta (2008: RM21.9 juta). Dalam sektor sekuriti, usaha-usaha kejasama telah dilaksanakan untuk membantu menerapkan penggunaan e-pembayaran bagi penjualan dan pembelian saham serta pembayaran dividen yang boleh dibayar secara langsung dalam akaun bank pelabur, iaitu melalui inisiatif e-Dividen.

Tumpuan Dasar dan Penyeliaan pada tahun 2010

Tumpuan dasar bagi tahun 2010 adalah untuk memperkukuh rangka kerja kestabilan kewangan dan meningkatkan sumbangan sektor kewangan kepada pertumbuhan ekonomi.

Tumpuan dasar juga meliputi kajian semula secara menyeluruh kesemua perundangan sedia ada yang mentadbir institusi kewangan dan sistem pembayaran di bawah kawal selia Bank. Perubahan perundangan yang dicadangkan akan memperkasakan rangka kerja kestabilan kewangan di Malaysia berikutan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baharu pada 25 November 2009.

Bank juga telah memulakan langkah untuk merumuskan rangka tindakan yang baharu bagi mengembangkan sektor kewangan bagi menyokong dan memacu pembangunan ekonomi negara ke fasa yang seterusnya. Matlamat rangka tindakan ini adalah untuk meningkatkan peranan sektor kewangan dalam ekonomi, dengan menambah keupayaan untuk menyumbang dengan berkesan kepada proses transformasi ekonomi kepada ekonomi yang bernilai tambah dan berpendapatan tinggi. Di samping itu, penekanan yang berterusan untuk meningkatkan kesedaran dan juga kerjasama lebih banyak sektor ekonomi bagi menggalakkan penerapan e-pembayaran akan diberikan keutamaan pada tahun

2010. Ini juga akan melibatkan pengukuhan dalam trend ke arah integrasi kewangan pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Bank akan bekerjasama rapat dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) untuk memastikan kelancaran peralihan daripada jaminan deposit yang menyeluruh oleh Kerajaan yang sedia ada kepada skim jaminan yang lebih baik pada akhir tahun 2010. Usaha akan ditumpukan ke arah meminimumkan perpindahan penempatan deposit di seluruh institusi dan tempat daripada terjejas bagi memastikan keberkesanan berterusan skim insurans deposit tersebut. Sehubungan dengan ini, Bank juga bekerjasama rapat dengan HKMA dan Monetary Authority of Singapore menerusi Kumpulan Kerja Tiga Pihak (Tripartite Working Group) yang telah ditubuhkan pada bulan Julai 2009 bagi menggariskan strategi bersepadu penjadualan keluar daripada jaminan deposit sepenuhnya di negara masing-masing.

Rangka kerja pengawasan dan penyeliaan Bank akan terus diperkukuh dengan peningkatan tumpuan terhadap orientasi kehematan makro bagi penilaian penyebaran risiko, dalam sistem kewangan dan ekonomi. Fokus yang berterusan juga akan diberikan kepada penggunaan dan pembangunan yang lebih aktif instrumen dan kaedah pengawasan, diperkukuh oleh kerjasama yang lebih mantap dengan pihak berkuasa pengawal selia lain, termasuk pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Pemulihan ekonomi Asia yang lebih pesat telah menyebabkan minat yang bertambah apabila aliran modal yang besar mula masuk ke rantau ini. Bank akan terus berwaspada dan meningkatkan pengawasan terhadap sebarang tanda-tanda pengambilan risiko yang berlebihan oleh institusi-institusi kewangan dalam persekitaran ini. Langkah-langkah dasar pencegahan awal akan diperkenalkan apabila perlu bagi menghalang keadaan tidak menentu yang boleh mengancam kestabilan kewangan dan pelaksanaan operasi pasaran kewangan.

Selain itu, fokus akan terus diberikan bagi memastikan kemantapan dan daya tahan sistem kewangan yang berterusan, serta memastikan keupayaan yang secukupnya untuk menghadapi risiko dan cabaran pada masa depan tanpa menjejaskan keupayaan sistem kewangan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi.

Bank Negara Malaysia
24 Mac 2010